

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 OGOS 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 8

### PEKB sedia RM10j bimbing B40 bandar usahakan perniagaan

## PEKB sedia RM10j bimbing B40 bandar usahakan perniagaan

**Putrajaya:** Sebanyak RM10 juta diperuntukkan bagi program Pemerkaasan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) tahun ini tujuan untuk membimbing golongan B40 di kawasan bandar mengusahakan perniagaan yang mampu meningkatkan kualiti hidup mereka.

Menteri Pembangunan Kerajan Tempatan, Ngah Kor Ming berkata, peruntukan itu yang diselia Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) ketika ini dimanfaatkan oleh 835 peserta program latihan keusahawanan PEKB.

"Latihan yang diberikan bertujuan meningkatkan kemahiran peserta supaya mampu mengusahakan perniagaan bagi menghasilkan pendapatan lebih tinggi, sekali gus dapat keluar daripada kepompong kemiskinan.

"Melalui PEKB, kita mahu pupuk budaya berdiri di atas kaki sendiri dengan mengusahakan perniagaan selepas mendapat bimbingan daripada tenaga pengajar program berkenaan," katanya selepas merasmikan Jualan Merdeka Usahawan Komuniti Bandar 2023 di sini semalam.

**Lahir 16,515 usahawan**  
Sejak dilaksanakan pada 2013, program itu melahirkan 16,515 usahawan yang mengusahakan pelbagai jenis perniagaan dan mampu menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM600 sebulan.

Menurutnya di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), kerajaan memperuntukkan RM55 juta bagi melahirkan 4,835 usahawan B40 di kawasan ban-

dar melalui PEKB.

"Kita bekerjasama dengan 28 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk latih dan pantau aktiviti usahawan ini. NGO akan pantau aktiviti perniagaan mereka selama enam bulan bagi memastikan peserta dapat menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM600 sebulan," katanya sambil menambah peserta juga diberikan peralatan perniagaan setelah tamat kursus.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Seni Jahitan Kreatif Malaysia Fully Chye, 56, berkata pihaknya menyediakan latihan kepada peserta yang berminat untuk menghasilkan produk fabrik cetakan eko berdasarkan tumbuh-tumbuhan.

"Usahawan berminat dengan seni kreatif ini akan diajar cara cetakan atas fabrik dengan



Kor Ming mengibarkan Jalur Gemilang selepas merasmikan Jualan Merdeka Usahawan Komuniti Bandar 2023 di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

menggunakan daun. Kami akan

bimbing hingga peserta be- tul-betul mahir dan dapat hasilkan produk berkualiti untuk dijual.

"Setakat ini, terdapat peserta yang berjaya menjana pendapatan RM3,000 sebulan melalui

produk ini," katanya.  
Menurutnya, fabrik cetakan eko mempunyai tarikan tersendiri kerana setiap corak cetakan di atas fabrik menggunakan helaian daun yang menghasilkan warna asli tanpa bahan tambahan.

BERNAMA